

13 APRIL 2018

Kekang ketum, gam elak remaja terjebak dadah

Ms.30 Jumaat, 13 April 2018 BH

ISU TOKAN JANJI UPAH LUMAYAN

Kekang ketum, gam elak remaja terjebak dadah

AADK fokus perkukuh rangkaian kerjasama komuniti setempat

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi, Siti Azila Alias dan Mohd Aizat Shamsudin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Pengambilan bahan pemula seperti ganja, ketum, gam dan tuak sebagai perangsang dalam kalangan remaja dan pelajar perlu dibekang, bagi mengelak golongan itu terjebak ketagihan dadah berisiko.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Datuk Izhar Abu Talib,

berkata tindakan itu penting, namun sukar dilakukan pihaknya berikutan faktor bidang kuasa terbatas.

Unsur tarikan kuat

"Kita ambil contoh ketum ia di bawah bidang kuasa Jabatan Kimia dan Kementerian Kesihatan, manakala gam pula di bawah jabatan lain. Kita masih tunggu kelulusan akta baharu yang dilaporkan hampir siap dan kita harap ia membantu mempermudah usaha ini.

"Bahan pemula memang ada unsur tarikan yang sangat kuat.

Bagi mereka yang selalu minum air ketum contohnya, kebarangkalian untuk mereka mencuba dadah sangat tinggi, begitu juga dengan gam dan ganja," katanya.

Laporan khas BH semalam mendedahkan sinlket dadah menggunakan pelajar untuk mengedar dan menjual bahan terlarang itu kepada penagih, terutama rakan sebaya.

Usia 10 tahun terjebak dadah

Siasatan AADK mendapati ada kanak-kanak seawal usia 10 tahun sudah terjebak dalam gejala penagihan dadah.

Izhar berkata, usaha memperkukuhkan rangkaian kerjasama komuniti setempat kini menjadi agenda berfokus AADK, di mana jawatankuasa penduduk serta Rukun Tetangga boleh mengambil bahagian secara aktif membantaras gejala berkenaan di lokasi 'panas' seperti penempatan setinggan, perkampungan nelayan dan kawasan berkepadatan penduduk tinggi.

"Kita lihat masalah dadah ini datang daripada komuniti, jadi kita mahu masyarakat juga mengambil tanggungjawab.

"Daripada 178 kawasan berisiko yang dikenal pasti pada 2016, kita laksanakan program pemantauan komuniti di 14 kawasan, sebelum ditambah 50 kawasan lagi tahun lalu.

"Sempena Hari Antidadah tahun ini, ia akan diperluaskan ke 114 lagi kawasan dan ini antara petunjuk prestasi utama (KPI) yang kita tetapkan," katanya.

Beliau berkata, AADK turut melaksanakan lima program pencegahan iaitu OPS Cegah, 'Omni-present' atau keberadaan pegawai AADK dalam komuniti, melantik

ikon setempat; memperkasa peranan pemimpin setempat dan badan bukan kerajaan (NGO) serta kempen di media sosial.

Sementara itu, Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Kamarozaman Abd Razak, mengakui senario penagihan dadah dalam kalangan remaja dan pelajar sekolah bermula apabila mereka mula mengenali rokok dan menghidu gam, sebelum pengaruh liar dan perasaan ingin mencuba menyebabkan mereka terjebak dengan dadah.

"Walaupun statistik tidak menunjukkan ia pada tahap kritikal, pencegahan perlu diambil dari awal bagi memastikan jumlah pelajar terbit dadah menurun dan seterusnya mencapai tahap sifar.

"Kita memahami kekangan AADK, namun kerjasama polis serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dapat memastikan program pencegahan dadah ini dapat dilakukan sehingga ke peringkat akar umbi," katanya.

Yang Dipertua Majlis Guru Besar Selangor, Sukimin Juki, pula menggesa ibu bapa mengenal pasti dan membuat keputusan terhadap aktiviti anak mereka selepas tamat waktu persekolahan.

"Pelajar hanya berada di sekolah sekitar enam hingga tujuh jam sehari dan selebihnya mereka di luar kawasan sekolah. Jadi ibu bapa harus tahu ke mana dan aktiviti apa yang dilakukan anak mereka selepas waktu persekolahan.

"Kita faham faktor kesibukan ibu bapa yang bekerja dan ia menyebabkan ada yang terlepas pandang sehingga menjeruskan anak ini kepada aktiviti tidak sihat termasuklah pengambilan dadah," katanya.

Bahan pemula memang ada unsur tarikan yang sangat kuat. Bagi mereka yang selalu minum air ketum contohnya, kebarangkalian untuk mereka mencuba dadah sangat tinggi, begitu juga dengan gam dan ganja"

Izhar Abu Talib,
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) AADK



Keratan akhbar BH, semalam.